



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



SIARAN MEDIA

RKK MINI BUKTI KPWKM PRIHATIN MELINDUNGI KANAK-KANAK

JOHOR BAHRU, 2 OKT – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menubuhkan sebuah lagi Rumah Kanak-Kanak (RKK) Mini di Ulu Tiram, Johor selepas penubuhan pertamanya di RKK Mini Kelantan.

Menurut Menteri, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, penubuhan RKK ini juga adalah membuktikan kesungguhan Kementerian untuk memelihara hak dan masa depan kanak-kanak di Negara ini.

KPWKM melalui JKM amat komited untuk memastikan kanak-kanak di bawah jagaan RKK mendapat perlindungan dan pemeliharaan yang terbaik serta membantu perkembangan menyeluruh untuk tumbesaran kanak-kanak dalam suasana yang merangsang pembangunan individu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan RKK Mini Ulu Tiram di sini hari ini.

"Sehingga kini, sebanyak 13 buah RKK di seluruh Malaysia termasuk RKK Mini ini yang mampu menampung seramai 1,500 orang kanak-kanak pada satu-satu masa yang menyediakan perlindungan dan pemeliharaan kepada kanak-kanak mangsa pengabaian, penganiayaan, anak-anak yatim dan kanak-kanak dari keluarga yang kurang berkemampuan," kata Rohani.

Idea penubuhan RKK Mini adalah untuk memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mendapat lebih perhatian dan hidup dalam suasana kekeluargaan kerana kapasitinya yang lebih kecil berbanding RKK biasa dan kemasukan mereka ke sini juga adalah melalui Perintah Mahkamah di bawah Seksyen 30, Akta Kanak-Kanak 2001.

Tambah beliau lagi, RKK Mini ditubuhkan di negeri yang tiada RKK, namun matlamat asas adalah sama dengan RKK yang lain iaitu untuk memberi jagaan gantian kepada kanak-kanak dan menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan fizikal, emosi serta mental yang sihat dalam suasana kekeluargaan yang harmoni.

“Hakikatnya, bagi memenuhi hak dan keperluan kanak-kanak, ia sebenarnya tidak tertumpu kepada pihak Kerajaan sahaja, malah penglibatan semua pihak akan memberi banyak manfaat kepada kanak-kanak dan KPWKM sentiasa mengalu-alukan kerjasama erat dengan semua agensi Kerajaan, syarikat korporat dan Pertubuhan Bukan Kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan kanak-kanak,” tegas beliau.

Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah YB Puan Hajah Asiah Bt Md Ariff, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, YBhg Dato’ Zulkipli Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, YBhg Datuk Daud Arbah, Timbalan Pengarah JKM Negeri Johor, Pegawai-Pegawai Kanan KPWKM dan JKM.

####

Disediakan oleh	:	Jabatan Kebajikan Masyarakat Aras 6,9-18, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.
No. Telefon	:	019-233 3110 (Haneem)/ 01-216 4031 (Ain)
Tarikh dikeluarkan	:	2 Oktober 2015